

**Imran
Razalle**



Yang Dipertua
Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Sains Islam Malaysia

Pembangunan intelektual, spritual bantu lahir graduan berdaya saing

Tahun 2015 menyaksikan pelbagai fenomena yang menggemparkan masyarakat Malaysia dan memberi impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat.

Gejala sosial, peningkatan kadar jenayah, gangsterism dan kejadian lain yang melibatkan golongan muda bergelar mahasiswa amat dirasakan oleh masyarakat.

Namun, apa yang amat membimbangkan hari ini ialah kejadian jenayah dan masalah sosial yang berlaku ini tidak menunjukkan tanda akan berkurang, sebaliknya menjadi satu wabak sukar dibendung sehingga merugikan negara.

Dimana silapnya Apakah sistem pendidikan Malaysia masih gagal untuk mendidik masyarakat Atau silapnya pada peringkat pendidik yang tidak menghayati Falsafah Pendidikan Negara yang sepatutnya menjadi tunjang kepada pendidikan atau pentarbiahan pelajar yang

akhirnya menyebabkan pelajar kurang memahami erti sebenar pendidikan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) PPPM PT 2015-2025 merupakan pelan yang signifikan dan perlu dianggap sebagai suatu usaha murni kerajaan untuk memperingkatkan kualiti pendidikan tinggi negara.

Suatu aspek yang saya kira cukup penting yang ditekankan dalam PPPM PT kali ini adalah wajar untuk diberi perhatian. Antara aspirasi pendidikan tinggi negara adalah untuk melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Aspirasi pendidikan

Memetik kata-kata seorang tokoh akademik negara, Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, dalam pada ucapannya pada Persidangan Pemimpin Universiti Negara Islam (WICULS) 2015 di Putrajaya, baru-baru ini berkata, hati kepada pendidikan itu adalah merupakan pendidikan pada hati.

Ini memberikan konotasi bahawa dalam memfokuskan tentang pembangunan intelektualisme mahasiswa, penekanan pada pemantapan spiritual mahasiswa itu juga suatu perkara yang perlu dititikberatkan untuk merealisasikan aspirasi pendidikan negara untuk melahirkan graduan yang seimbang dari segenap sudut merangkumi, intelek, rohani dan jasmani.

Sebagai contoh, ketamadunan Barat sering dijadikan kayu ukur yang padanya keistimewaan seperti ketinggian bahasa, nilai integriti dan etika budaya kerja itu adakah kerana intelektual mereka sahaja atau adakah kerana struktur organ otak mereka lebih unik berbanding kita.

Tidak sama sekali, kerana lambakan kajian menunjukkan bahawa kegemilangan peradaban tamadun Barat bukan hanya menjadi teladan kerana intelektual saja, tetapi penekanan tentang kecerdikan emosi yang turut menyumbang kepada pemantapan budaya Barat.

Kecerdikan emosi boleh diterjemahkan sebagai kemampuan manusia berinteraksi secara positif dengan dirinya sendiri dan juga orang lain, yang menghasilkan kebahagiaan maksima bagi diri sendiri dan orang lain.

Kayu pengukur

Sehubungan dengan itu, amat penting untuk para ahli akademik dan mahasiswa menilai kembali apa sepatutnya menjadi kayu pengukur mengenai kecemerlangan mahasiswa dan mengikis persepsi hanya kepentingan akal yang perlu diutamakan. Pembinaan akal dan jiwa mahasiswa dan masyarakat perlu seiring.

Sebagaimana Islam sentiasa menggalakkan umatnya untuk berfikir dan mencari jawapan bagi setiap perkara kerana inilah yang akan menyumbang kepada perkembangan budaya ilmu. Namun tidak dilupakan bahawa aspek pembangunan spiritual juga menjadi keutamaan dalam membimbing kemana akhirnya ilmu itu disalurkan.

Dalam konteks Islam, setiap idea dan pemikiran itu perlu dipandu dengan wahyu. Bermakna segala apa

yang difikirkan walaupun itu dianggap sebagai logikal, tetapi sekiranya bersalahan atau bercanggah dengan syariat yang digariskan dalam al-Quran dan Sunnah, maka bukanlah sesuatu yang baik dan ditegah. Timbul persoalan, generasi apa yang perlu kita lahirkan

Memetik pandangan Dr Yusuf Al-Qardhawi, seorang cendekiawan Islam, sistem pendidikan perlu melahirkan generasi yang bersandarkan kepada realiti dan keilmuan.

Mahasiswa yang berminat untuk menghantar rencana, boleh e-mel ke bhvarsiti@bh.com.my



Graduan perlu memiliki keseimbangan dari segi intelek, rohani dan jasmani. GAMBAR HIASAN.